

Galak pelajar Universiti Putra Malaysia budayakan amalan hijau di kampus

# Rebat RM300 beli basikal dilancar

Oleh LILIS SURIANI OMAR  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 4 Sept. - Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama melaksanakan rebat pembelian basikal bernilai RM300 untuk pelajar yang menerusi pelancaran skim itu hari ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, skim tersebut bertujuan menggalakkan pelajar menggunakan basikal di kampus sebagai usaha ke arah membudayakan amalan hijau dalam kalangan pelajar.

"Rebat RM300 ini ditawarkan kepada pelajar yang membeli basikal dan sehubungan itu, pihak UPM bekerjasama dengan syarikat Kuputra Berhad untuk mendapatkan harga basikal yang lebih murah berbanding harga sebenar antara RM400 hingga RM450 sebuah.

"Pemberian rebat ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat iaitu RM50 setiap semester selama enam semester," katanya semasa pelancaran skim itu bersempena majlis Ikrar Pelajar Baharu Semester Pertama Sesi 2013/2014 di sini.



**MOHD. Fauzi Ramlan (lima dari kanan) beramah mesra dengan pelajar yang memulakan berbasikal dalam majlis Ikrar Pelajar Baharu Semester Pertama Sesi 2013/2014 di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, semalam.**

Selaras dengan pelancaran skim tersebut, Mohd. Fauzi berkata, kempen berbasikal turut diperke-

nalkan kepada pelajar sebagai satu langkah bagi mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor di ka-

wasan kampus.

"Kempen ini akan dapat memberi kesedaran kepada mahasiswa

tentang kepentingan mengurangkan pelepasan karbon daripada kenderaan bermotor sekali gus melaksanakan langkah memelihara alam sekitar.

"Bagi mencapai matlamat ini, perkhidmatan laluan bas di enam kolej kediaman akan dikurangkan serta mewujudkan laluan khas untuk penunggang basikal dan pejalan kaki," jelasnya.

Tambah beliau, pihaknya menyasarkan penglibatan seramai 1,500 pelajar yang akan menyertai program berbasikal ini pada peringkat pertama dan mengharapkan program itu menjadi ikutan kepada pihak lain.

Sementara itu, dalam majlis sama, seramai 3,291 pelajar baharu yang berdaftar di institusi itu menerima bekas makanan dan minuman percuma bersempena dengan Kempen Anti Polisterin.

"Kempen ini juga dilancar bagi mengurangkan penggunaan bahan polisterin di kafeteria.

"Potongan sebanyak 20 sen akan diberi kepada pelajar yang membawa bekas sendiri ketika membeli makanan atau minuman sebagai satu usaha ke arah menjadikan UPM Kampus Hijau," katanya.